

Pengenalan PB120

Permohonan Pelan Bangunan 120 Jam (PB120) diperkenalkan sebagai satu alternatif kepada pemohon untuk mendapatkan kelulusan dalam tempoh masa yang singkat dan segera iaitu dalam tempoh 120 jam (5 hari) berbanding tempoh masa kelulusan permohonan pelan bangunan sediada selama 37 hari.

PB120 terpakai bagi kategori Permohonan Baru Pelan Bangunan Rumah Kediaman dengan bilangan 2 unit ke bawah merangkumi rumah kediaman sesebuah dan berkembar 1 tingkat dan 2 tingkat sahaja.

PERINGATAN!

Dikemukakan pada setiap hari Ahad sahaja pada setiap minggu yang terdapat lima (5) hari bekerja.

Bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.00 Tengah hari Sahaja.

Permohonan mestilah melalui Pelukis pelan/ arkitek berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia sahaja

Setiap pemohon/PSP wajib mematuhi **syarat teknikal** permohonan untuk membolehkan permohonan PB120 diproses dan dipertimbangkan.

Kegagalan mematuhi syarat teknikal, membolehkan permohonan tersebut tidak akan diproses. (SOP dan Syarat teknikal sebagaimana di Lampiran)

**Dikuatkuasakan bermula
4 Ogos 2024**



Syarat- syarat Teknikal

Syarat Tanah:

- a) tanah kosong (tiada bangunan lain dalam tanah)
- b) syarat nyata tanah adalah kediaman
- c) mendapat 100% perakuan persetujuan tuan tanah
- d) mengemukakan geran tanah terkini dan jelas beserta nombor bearing
- e) tiada pecahan bahagian tanah antara pemilik tanah

Perlu mendapat kelulusan Kebenaran Merancang terlebih dahulu bagi permohonan 2 unit kediaman berkembar

Bilangan kediaman sebanyak sebuah atau 2 unit dan tidak melebihi sebuah rumah kediaman dalam 1 lot tanah.

Bangunan kediaman tidak melebihi 2 tingkat.

Kediaman mencukupi jarak anjakan seperti mana ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Dungun.

Lokasi permohonan tidak terlibat kawasan tадahan air, berbukit dan bearcerun.

Setiap permohonan akan dikenakan bayaran fi proses sebanyak **RM300.00** bagi seunit rumah kediaman beserta fi pelan yang dikira mengikut keluasan rumah kediaman yang dikemukakan termasuk bayaran-bayaran yang dikemukakan oleh jabatan.

Kadar bayaran fi proses yang dikenakan adalah merupakan salah satu pilihan kepada pemohon sama ada ingin memperolehi kelulusan dalam tempoh yang singkat maupun mengikut sebagaimana prosidur biasa.

PERINGATAN!

Sebarang Pembinaan Bangunan Baru atau Tambahan Bagunan sediada
Hendaklah Mendapat Kelulusan Bertulis
Daripada Majlis Perbandaran Dungun

HUBUNGI

09 848 1931

Samb. (Bhg. Kawalan Bangunan
Majlis Perbandaran Dungun)